

The Observer

01.12.2023

❖ **Dua belas petua pelaburan (dan kehidupan) daripada Warren Buffett**

Warren Buffett bukan sahaja pelabur tersohor malah beliau tok dalang yang hebat. Kita boleh mempelajari banyak perkara tentang pelaburan dan kehidupan daripada artikel, mesyuarat agung tahunan serta warkah tahunannya kepada para pemegang saham. Namun adakah anda ingat pesanan dan kisah-kisah yang beliau kongsikan? Mungkin tidak.

Bagaimana dengan kata-kata azimat? Mungkin anda ingat. Kerana ayat-ayat nasihat yang keluar daripada Buffet selalunya padat, mudah diingat namun impaknya amatlah dahsyat.

Dalam surat berita kali ini, saya akan cuba menyaring tonggak utama falsafah pelaburan Buffett yang diabadikan dalam dua belas mutiara kata.

1. **"Peraturan #1: Jangan hilang wang (rugi). Peraturan #2: Jangan lupa peraturan #1."**
Pengekalan modal perlu menjadi keutamaan nombor satu sebelum anda melabur dalam saham. Melaburlah dengan margin keselamatan yang luas bagi memberi ruang kepada perkara-perkara yang tidak dijangka.
2. **"Harga adalah apa yang anda bayar, nilai adalah apa yang anda dapat."**
Fokuskan kepada nilai tersirat pelaburan anda dan bukannya turun naik harga saham. Sentiasa bayar kurang daripada nilai yang akan anda peroleh. Usah bayar lebih.
3. **"Kunci kepada pelaburan bukanlah menilai sejauh mana sesebuah industri dapat mempengaruhi masyarakat atau sejauh mana ia dapat berkembang, tetapi dengan menentukan kelebihan daya saing sesebuah syarikat dan yang paling penting, adakah kelebihan itu dapat bertahan?"**
Melaburlah dalam syarikat yang mempunyai kelebihan daya saing yang dapat bertahan lama atau yang mempunyai 'parit pertahanan' (moat) (contohnya kuasa menetapkan harga, kelebihan kos rendah, jenama yang kukuh dan sebagainya). Produk atau perkhidmatan yang mempunyai 'parit pertahanan' yang luas dan mampan di sekelilingnya adalah produk yang menjanjikan pulangan yang mantap kepada pelabur.
4. **"Lebih baik beli syarikat hebat pada harga berpatutan, daripada syarikat berpatutan pada harga hebat."**
Syarikat yang berpatutan pada harga yang menarik mungkin menjanjikan anda pulangan yang tinggi dalam tempoh yang

singkat. Tetapi perniagaan yang hebat memberikan pulangan yang lebih tinggi dalam jangka panjang, walaupun anda membayar harga yang berpatutan untuk membeli sahamnya. Ini kerana, titik pulangan pelaburan akan bertemu titik pulangan modal perniagaan dalam jangka panjang. Jika sesebuah perniagaan memperoleh 10% daripada modal dalam tempoh 30 tahun dan anda memegangnya selama 30 tahun, pulangan anda akan berjumlah kira-kira 10%, walaupun anda membelinya pada diskaun 50%. Sebaliknya, jika perniagaan itu memperoleh 30% daripada modal dalam tempoh 30 tahun, pulangan anda akan menjadi kira-kira 30%, walaupun anda membelinya pada harga yang berpatutan atau pada premium yang rendah.

5. **“Pasaran saham ibarat permainan (besbol) tanpa kiraan strike. Anda tidak perlu sentiasa menghayun kayu pemukul, sebaliknya tunggulah balingan bola anda.”** Bersabar dan tunggulah peluang yang sesuai. Bertaruh hanya apabila peluang memihak kepada anda. Jika tidak, jangan buat apa-apa.
6. **“Tidak kira betapa hebatnya bakat atau usaha anda, sesetengah perkara memerlukan masa. Anda tidak boleh mendapat seorang bayi dalam tempoh sebulan dengan menghamilkan sembilan wanita.”** Perniagaan yang berjaya sekilip mata biasanya mengambil masa sedasawarsa. Sabar dan disiplin adalah ciri utama pelabur yang berjaya.
7. **“Apa yang diperlukan oleh pelabur ialah keupayaan untuk menilai perniagaan terpilih. Penegasan kepada perkataan ‘terpilih’. Anda tidak perlu menjadi pakar tentang setiap syarikat atau banyak syarikat. Anda hanya perlu menilai syarikat dalam lingkungan kecekapan anda. Saiz lingkungan tidak begitu penting namun anda wajib mengetahui batasannya.”** Anda perlu menentukan lingkungan kecekapan anda dan berpeganglah pada bidang kepakaran anda. Kesilapan dapat dielakkan jika anda menjauhi perkara-perkara yang anda tidak fahami. Jangan sekali-kali berasa takut untuk berkata, “Saya tidak tahu”.
8. **“Seorang pelabur perlu bertindak seolah-olah dia mempunyai sekeping kad tebuk untuk membuat keputusan seumur hidup, dengan hanya dua puluh tebukan padanya.”** Apabila berfikiran begini, anda akan lebih berhati-hati dan berfikir dengan teliti tentang idea pelaburan anda sebelum melabur. Ia juga mengurangkan keinginan anda untuk berdagang dalam saham jangka pendek.
9. **“Kualiti paling penting untuk pelabur adalah perangai, bukan intelek.”** Melabur memerlukan anda mengawal tingkah laku ketika semua orang di sekeliling anda berkelakuan tidak rasional. Ia tiada kena mengena dengan kepintaran anda. Kejatuhan dana lindung nilai LTCM (*Long Term Capital Management*) pada penghujung 1990-an adalah disebabkan kedudukan leveraj yang berlebihan, walaupun ia dikendalikan sekumpulan individu yang bijak.
10. **“Saya melabur dalam pasaran saham bukan sebab mahukan keuntungan. Saya membeli dengan andaian bahawa mereka boleh menutup pasaran kesokan hari dan hanya membukanya semula lima tahun lagi.”** Fokus pada tempoh masa yang lebih panjang. Apa sahaja boleh berlaku dalam jangka pendek. Melaburlah dalam perniagaan yang membolehkan anda tidur lena pada waktu malam.

11. **“Peluang tak selalu datang. Apabila hujan emas, tадahlah menggunakan baldi dan bukannya bidal.”** Bertindak dengan cepat dan tegas apabila timbul peluang yang jarang muncul. Jangan beli jumlah yang kecil sahaja. Bertindak secara agresif apabila harganya sesuai.
12. **“Pelaburan paling penting adalah melabur untuk diri sendiri.”** Pupuk perasaan ingin tahu. Luangkan masa untuk membaca dan berfikir. Jangan sekali-kali berhenti belajar. Mereka yang terus belajar akan meningkatkan taraf kehidupan.

Jackson Tan

Pengurus, Pemantauan Korporat

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 4 hingga 8 Disember 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
04.12.23 (Isnin) 10.00 pagi	Redtone Digital Berhad (AGM)	<p>Redtone mencatatkan pendapatan berjumlah RM214.7 juta pada tahun kewangan 2023, meningkat 35.9% dari tahun kewangan 2022.</p> <p>Peningkatan ini disumbangkan oleh segmen Perkhidmatan Telekomunikasi (Telecommunications Services, TS) dan Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Terurus (Managed Telecommunications Network Services, MTNS).</p> <p>Segmen TS menyumbang secara positif kerana kebanyakan perniagaan sudah mula beroperasi sepenuhnya berikutan peralihan negara kepada fasa endemik pada tahun 2022.</p> <p>Pada masa yang sama, ia mencatatkan untung sebelum cukai yang tinggi sebanyak RM75.0 juta, meningkat 32.7% atau RM18.5 juta daripada RM56.5 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh prestasi Kumpulan yang kukuh, pengoptimuman kos, selain pendapatan lain yang lebih tinggi.</p>

		Kumpulan kekal optimistik serta memberikan tumpuan kepada kecekapan operasi dan peluang baharu.
05.12.23 (Selasa) 09.00 pagi	JF Technology Berhad (AGM)	JF Tech menyaksikan untung bersihnya merosot 29% kepada RM12.2 juta pada tahun kewangan 2023, berikutan pendapatannya kekal tidak berubah pada RM45.3 juta. Untung yang lebih rendah berpunca daripada perubahan dalam campuran produk serta pengiktirafan perbelanjaan tidak berulang yang berkaitan penyenaraian JF Tech ke Pasaran Utama Bursa Malaysia. Ini ditambah pula kesan daripada asas cukai yang tinggi yang mana caj cukai positif telah diiktiraf pada tahun sebelumnya.
05.12.23 (Selasa) 09.30 pagi	YTL Power International Berhad (AGM)	YTL Power Group mencatatkan pendapatan tertinggi sepanjang masa berjumlah RM21.89 bilion pada tahun kewangan 2023 berbanding RM17.8 bilion pada tahun kewangan sebelum ini. Untung sebelum cukai juga meningkat kepada rekod tertinggi berjumlah RM2.45 bilion berbanding RM1.64 bilion yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelum ini. Peningkatan prestasi ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh segmen Penjanaan Kuasa.
05.12.23 (Selasa) 09.30 pagi	Excel Force MSC Berhad (AGM)	Dalam tempoh 18 bulan berakhir 30 Jun 2023, Kumpulan melaporkan pendapatan berjumlah RM43.4 juta, yang mana 67% daripadanya disumbangkan oleh segmen Penyedia Perkhidmatan Aplikasi (Application Services Provider, ASP). Sementara itu, untung bersihnya berjumlah RM11.8 juta, mewakili margin keuntungan sebanyak 27%. Anak syarikat seperti Insage MSC Sdn Bhd, menunjukkan prestasi yang baik sepanjang tahun. Pada tempoh kewangan itu, Kumpulan melancarkan Interactive X-Chart, sebuah aplikasi pencartaan termaju. Pada masa yang sama, mereka terus melabur dalam penyelidikan dan pembangunan

		<p>(research and development, R&D) untuk suite ruang peralatan (back-office) baharu serta platform dagangan berdasarkan web.</p> <p>Berlatarkan pemulihan dalam aktiviti perdagangan, disertai dengan keutamaan kerajaan yang jelas dalam ucapan Belanjawan baru-baru ini, Kumpulan optimis namun tetap berhati-hati terhadap prospeknya pada tahun kewangan 2024.</p>
05.12.23 (Selasa) 09.30 pagi	Hibiscus Petroleum Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2023 melebihi RM2 bilion buat kali pertama dalam tahun kewangan penuh, berjumlah RM2.3 bilion.</p> <p>Sumbangan daripada aset-aset Kumpulan Hibiscus Peninsula memainkan peranan penting dalam melakar kejayaan ini, manakala aset North Sabah dan Anasuria Cluster juga terus menyumbang kepada prestasi yang kukuh.</p> <p>Bersandarkan jumlah pendapatan yang kukuh, Kumpulan mencatatkan untung selepas cukai (<i>profit after tax</i>, PAT) sebanyak RM400.5 juta pada tahun kewangan 2023, mewakili pertumbuhan 19.3% daripada PAT yang 'sederhana' yang dicatatkan pada tahun kewangan 2022.</p>
05.12.23 (Selasa) 10.00 pagi	Jentayu Sustainables Berhad (AGM)	<p>Keputusan kewangan Jentayu bertukar rugi pada tahun kewangan 2023 dengan kerugian bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang saham berjumlah RM4.97 juta, berbanding RM29.1 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Melihat pendapatan mengikut segmen, bahagian Tenaga menjana pendapatan yang lebih rendah selepas selesai projek Coara Marang. Pendapatan bahagian Penjagaan Kesihatan dan bahagian Perdagangan pula masing-masing menyusut 25% dan 35%.</p> <p>Segmen Perdagangan terus beroperasi dalam persekitaran ekonomi yang sukar. Bahagian ini</p>

		<p>akan diperkemas dan diperbaharui bagi menyokong pembinaan loji janakuasa untuk tenaga boleh diperbaharui.</p> <p>Kumpulan sedang meneroka projek-projek yang mempunyai kitaran lebih pendek, pengembangan di peringkat antarabangsa, mengambil alih syarikat Operasi dan Penyelenggaraan (<i>operations and maintenance, O&M</i>) serta pertumbuhan perniagaan Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui (<i>renewable energy certificate, REC</i>).</p> <p>Meskipun sudah mengambil alih Telekosang Hydro dan Jentayu Solar sebelum ini, ditambah pula dengan pembangunan Project Oriole yang masih berterusan, projek-projek ini dijangka tidak akan menyumbang dengan ketara kepada Kumpulan sehingga tahun kewangan berakhir 2025 dan seterusnya.</p>
05.12.23 (Selasa) 11.00 pagi	Technodex Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat 61% tahun ke tahun kepada RM56.10 juta (tahun kewangan 2022: RM34.85 juta) sebahagian besarnya didorong oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada segmen Perkakasan, Perisian dan Perkhidmatan Profesional serta segmen Perkhidmatan Pengambilan dan Penyumberan Luar Sumber Manusia.</p> <p>Kedua-dua segmen tersebut masing-masing mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 62% dan 50%.</p> <p>Berikut itu, Kumpulan melaporkan kerugian sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM7.92 juta berbanding -RM9.05 juta pada tahun kewangan 2022.</p>
05.12.23 (Selasa) 11.00 pagi	Cyberjaya Education Group Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan untuk tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 Jun 2023 meningkat kepada RM184.7 juta berbanding RM107.9 juta pada tahun kewangan berakhir 2021. Untung bersih juga meningkat kepada RM9.0 juta berbanding RM3.5 juta pada tahun sebelumnya.

		Peningkatan dalam pendapatan sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan yang berterusan dalam bilangan pelajar yang aktif sepanjang tiga tahun lalu, berikutan pertumbuhan berturut-turut dalam kitaran pengambilan pelajar dalam tahun-tahun sebelum ini.
05.12.23 (Selasa) 11.00 pagi	BCB Berhad (AGM)	<p>Walaupun berdepan persekitaran operasi yang mencabar, BCB melaporkan untung sebelum cukai berjumlah RM34.72 juta untuk tahun kewangan 2023 (2022: RM33.65 juta), bersandarkan perolehan yang tinggi sebanyak RM245.43 juta (2022: RM219.63 juta).</p> <p>Broadleaf@HomeTree di Kota Kemuning, Evergreen Heights dan Bandar Putera Indah di Batu Pahat, Johor merupakan penyumbang utama kepada pendapatan Kumpulan.</p>
05.12.23 (Selasa) 01.30 petang	YTL Corporation Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM29.6 bilion untuk tahun kewangan 2023 berbanding RM24.24 bilion pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Untung bersih Kumpulan meningkat 46% kepada RM2.12 bilion daripada RM1.45 bilion pada tahun sebelumnya.</p> <p>Keputusan kewangan yang bertambah baik ini disumbangkan oleh peningkatan prestasi dalam segmen utiliti Kumpulan, dengan bahagian simen dan hotel juga turut menunjukkan prestasi yang kukuh.</p>
05.12.23 (Selasa) 04.30 petang	Malayan Cement Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM3.76 bilion pada tahun dalam tinjauan, menandakan peningkatan sebanyak 39% tahun ke tahun. Peningkatan yang ketara dalam pendapatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh penyatuan pendapatan setahun penuh untuk lima syarikat dan anak syarikat masing-masing yang terlibat dalam perniagaan simen dan konkrit siap campur di Malaysia.

		Sementara itu, untung sebelum cukai Kumpulan meningkat hampir sekali ganda kepada RM253.118 juta berbanding tahun sebelumnya.
06.12.23 (Rabu) 10.00 pagi	SMRT Holdings Berhad (AGM)	<p>Segmen Teknologi SMRT menunjukkan prestasi yang mantap untuk tempoh kewangan 18 bulan berakhir 2023, yang menyaksikan lonjakan pendapatan yang luar biasa kepada RM87.72 juta.</p> <p>Ini mewakili peningkatan yang ketara sebanyak 74.21%, dengan kadar pertumbuhan dikira secara tahunan sebanyak 16.14%, berbanding RM50.35 juta yang dilaporkan pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Segmen Teknologi melaporkan untung bersih berjumlah RM33.39 juta, mencerminkan pertumbuhan yang dikira secara tahunan yang mengagumkan iaitu sebanyak 41.83%.</p> <p>Bagaimanapun, langkah nyahlabur strategik Kumpulan dalam Segmen Pendidikan telah mengakibatkan kerugian berjumlah kira-kira RM17.55 juta di bawah 'Operasi Dihentikan'.</p> <p>Evolusi SMRT menjadi penyedia pure-play (syarikat yang memfokuskan kepada satu industri sahaja) untuk Internet Kebendaan (<i>Internet of Things, IoT</i>) melalui N'osairis Technology Solutions Sdn Bhd menjadi kisah kejayaan penting. Mereka meladeni pelanggan cip biru di seluruh Malaysia dan Indonesia, termasuk pengendali mesin teler automatik (Automated Teller Machine, ATM) dan utiliti utama. Prospek kekal positif dengan kehadiran pasaran yang lebih meluas.</p>
06.12.23 (Rabu) 11.00 pagi	Vsolar Group Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM8.95 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 (tahun kewangan berakhir 2022: RM10.28 juta), mewakili penurunan 13% atau RM1.33 juta tahun ke tahun.</p> <p>Pendapatan yang menyusut adalah berikutan penurunan permintaan dalam segmen dagangan perkakasan komputer.</p>

		Namun begitu, ia melaporkan kerugian sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM14.68 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 (tahun kewangan berakhir 2022: -RM26.28 juta), tanpa pembayaran berdasarkan saham yang tidak berulang berjumlah RM14.9 juta di bawah program skim opsyen saham pekerja (<i>employee share option scheme</i> , ESOS) Vsolar.
06.12.23 (Rabu) 11.30 pagi	Malaysian Bulk Carriers Berhad (EGM)	<p>Maybulk berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memperoleh tanah pegangan bebas seluas 23.48 hektar di Kapar, Selangor dengan balasan tunai berjumlah RM165 juta. - Cadangan usaha sama dengan Golden Valley Ventures Sdn Bhd untuk memperoleh dan membangunkan Tanah Kapar secara kolaboratif. - Cadangan pempelbagaian kepada pelaburan dan pembangunan harta tanah perindustrian. - Cadangan penukaran nama daripada 'Malaysian Bulk Carriers Berhad' kepada 'Maybulk Berhad.'
06.12.23 (Rabu) 02.00 petang	Vsolar Group Berhad (EGM)	Syarikat berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan perubahan kepada syarat-syarat terbitan hak dengan waran Vsolar, yang telah diluluskan oleh pemegang saham pada 28 April 2023.
06.12.23 (Rabu) 03.00 petang	MESB Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, MESB mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM200.2 juta (tahun kewangan 2022: RM198.5 juta), disumbangkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada segmen peruncitan. Segmen ini mencapai perolehan sebanyak RM192 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM189 juta).</p> <p>Seiring dengan pendapatan yang lebih tinggi, segmen peruncitan juga</p>

		merupakan penyumbang utama kepada peningkatan untung sebelum cukai berjumlah RM18.2 juta yang dicatatkan oleh Kumpulan pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM12.2 juta).
07.12.23 (Khamis) 10.00 pagi	Gamuda Berhad (AGM)	<p>Gamuda mencatatkan peningkatan 41% dalam pendapatan kepada RM9.1 bilion pada tahun kewangan 2023, berbanding RM6.4 bilion pada tahun sebelumnya.</p> <p>Operasi luar negara menyumbang lebih separuh daripada pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Pendapatan sebelum cukai Kumpulan melepas paras RM2 bilion pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM1 bilion). Tidak termasuk keuntungan tunai luar biasa berjumlah RM1bil pada tahun kewangan 2023 daripada nyahlabur lebuh raya, perolehan teras Gamuda selepas cukai meningkat 7% tahun ke tahun, memecahkan rekod kepada RM860 juta (tahun kewangan 2022: RM806 juta) bersandarkan peningkatan perolehan daripada pembinaan di luar negara.</p>
07.12.23 (Khamis) 10.30 pagi	MK Land Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan MK Land untuk tahun kewangan 2023 meningkat kepada RM213.6 juta berbanding RM196.8 juta pada tahun sebelumnya. Untung bersihnya untuk tahun kewangan 2023 menyusut kepada RM12.9 juta, berbanding RM16.1 juta pada tahun kewangan 2022.
07.12.23 (Khamis) 02.30 petang	SAM Engineering & Equipment (M) Berhad (EGM)	<p>SAM bercadang untuk mengambil alih keseluruhan kepentingan ekuiti dalam Aviatron (M) Sdn Bhd dengan harga USD43.30 juta melalui balasan tunai ('Cadangan Pengambilalihan'). Sebagai sebahagian daripada Cadangan Pengambilalihan itu, Syarikat juga akan membayar balik pendahuluan daripada Vendor berjumlah USD42.43 juta (sehingga 23 Oktober 2023).</p> <p>Syarikat seterusnya mencadangkan terbitan hak sebanyak 135.4 juta</p>

		saham untuk mengumpul hasil kasar yang dianggarkan berjumlah RM521.28 juta bagi membiayai Cadangan Pengambilalihan tersebut, membayar balik pendahuluan daripada Vendor serta membayar balik pinjaman bank.
08.12.23 (Jumaat) 09.30 pagi	Kim Teck Cheong Consolidated Berhad (AGM)	KTC mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 3.34% kepada RM729.4 juta pada tahun kewangan 2023. Segmen Pengedaran barang pengguna yang dibungkus (<i>consumer packaged goods, CPG</i>) mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 2.6% kepada RM708.9 juta pada tahun kewangan 2023. Segmen pembuatan produk bakeri mencatatkan pertumbuhan 26.8% kepada RM18.53 juta, sebahagian besarnya disumbangkan oleh permintaan yang tinggi untuk produk Gardenia. Sementara itu, untung bersihnya meningkat 12.8% kepada RM25.1 juta, berikutan peningkatan dalam untung kasar.
08.12.23 (Jumaat) 10.00 pagi	Supermax Corporation Berhad (AGM)	Pendapatan Supermax merosot dengan mendadak kepada RM821.1 juta daripada RM2.7 bilion setahun yang lalu. Kumpulan juga mencatatkan kerugian buat kali pertama sejak disenaraikan pada tahun 2000, dengan kerugian bersih berjumlah RM171.4 juta berbanding untung bersih sebanyak RM757.1 juta pada tahun sebelumnya. Kumpulan berdepan banyak halangan pada tahun kewangan 2023 berikutan keadaan pasaran yang sukar termasuk jumlah stok pembeli yang terlalu tinggi, situasi permintaan yang rendah dan bekalan yang tinggi, persaingan pasaran yang sengit dan harga jualan purata (<i>average selling price, ASP</i>) yang rendah.
08.12.23 (Jumaat) 10.00 pagi	P.A. Resources Berhad (AGM)	Pendapatan PARB mencapai paras tertinggi sepanjang masa, berjumlah RM461.5 juta pada tahun kewangan 2023, meningkat 12.2% tahun ke tahun. Sementara itu, untung bersih turun 28% kepada RM31.4 juta terutamanya disebabkan oleh pembalikan perakaunan yang tidak melibatkan

		<p>aliran tunai bagi Aset Cukai Tertunda (Deferred Tax Assets, DTA) yang diiktiraf pada tahun sebelumnya.</p> <p>Walau bagaimanapun, untung bersih selepas dikecualikan kesan daripada DTA bagi tahun kewangan 2023 berjumlah RM44.3 juta berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM37.6 juta. Ini mewakili peningkatan sebanyak 18%, terutamanya disebabkan oleh kecekapan operasi dalam keseluruhan rantaian nilai serta langkah penjimatan kos yang berterusan.</p>
08.12.23 (Jumaat) 10.30 pagi	Eurospan Holdings Berhad (EGM)	<p>Eurospan berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk resolusi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cadangan Pelupusan Dynaspan Furniture Sdn Bhd (DFSB) dengan balasan tunai sebanyak RM38.9 juta - Cadangan pelupusan hartanah dibawah Eurospan Furniture Sdn Bhd (EFSB) kepada DFSB dengan dengan balasan tunai sebanyak RM15.65 juta - Cadangan Penyewaan antara DFSB (sebagai tuan tanah) dan EFSB (sebagai penyewa) selepas selesai cadangan pelupusan hartanah EFSB. <p>Selepas pelaksanaan langkah-langkah ini dimuktamadkan, Eurospan merancang untuk memperoleh perniagaan/ aset baharu, mengembangkan serta mempelbagaikan aliran pendapatan dan seterusnya meningkatkan kadar keuntungan Syarikat.</p> <p>Sementara itu, strategi <i>asset-light</i> (mengoptimumkan kunci kira-kira dengan meminimumkan pegangan aset tetap) akan mengurangkan overhead tetap serta menambah baik penggunaan sumber Kumpulan.</p> <p>Cadangan-cadangan ini adalah selaras dengan strategi Eurospan untuk memulihkan prestasi Syarikat</p>

		selepas mengalami kerugian berturut-turut.
08.12.23 (Jumaat) 11.30 pagi	YNH Property Berhad (AGM)	<p>Kumpulan melaporkan pendapatan berjumlah RM307.5 juta untuk tempoh kewangan berakhir 2023 berbanding RM231.3 juta pada tahun kewangan 2021. Pelaporan untuk tempoh kewangan berakhir 2023 adalah selama 18 bulan.</p> <p>Pendapatan Kumpulan dalam tempoh kewangan dalam tinjauan sebahagian besarnya disumbangkan oleh penjualan inventori di Suite OOAK Kiara 163 dan Solasta Dutamas yang mewakili projek di Kuala Lumpur, manakala projek Pusat Perniagaan Manjong Point 3 merupakan penyumbang pendapatan utama bagi projek di negeri Perak.</p> <p>Untung sebelum cukai Kumpulan berjumlah RM20.4 juta pada tempoh kewangan berakhir 2023, berbanding RM34.7 juta pada tahun kewangan 2021.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Redtone Digital Berhad (AGM)	<p>Dalam jawapan kepada soalan MSWG bertarikh 1 Disember 2022, disebutkan bahawa nilai keseluruhan Projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat (<i>Universal Service Provision, USP</i>) adalah kira-kira RM328 juta pada 30 September 2022. Tempoh kontraknya antara dua hingga lima tahun dan akan disiapkan secara berperingkat dari Disember 2022 hingga Jun 2024. Sebelum ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menganugerahkan lanjutan kepada beberapa projek Kumpulan REDTone untuk tempoh antara satu hingga lima tahun. Kumpulan kini sedang berusaha untuk mendapatkan lanjutan untuk projek-projek lain yang sedang dijalankan.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Sila maklumkan perkembangan terkini projek-projek lain yang sedang dijalankan. b) Berapakah jumlah yang belum dibilikan untuk projek-projek lain yang sedang dijalankan?
JF Technology Berhad (AGM)	JFTECH agak terjejas oleh pesanan yang menyederhana tetapi disebabkan dua pemacu pertumbuhannya iaitu perniagaan penyelesaian kejuruteraan ujian dan kemudahan pembuatan di China telah memasuki fasa matang, ini membolehkan Kumpulan mengembangkan perniagaannya walaupun menghadapi landskap yang sukar. (Halaman 6, Laporan Tahunan 2023)

	<ul style="list-style-type: none"> a) Berapakah jumlah pesanan semasa Kumpulan yang masih belum diselesaikan? b) Adakah Kumpulan menjangkakan pesanan kembali pulih pada tahun kewangan 2024? c) Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan untuk tahun kewangan 2024?
YTL Power International Berhad (AGM)	<p>1. Pada Disember 2022, rangkaian YES Kumpulan memperoleh empat anugerah di majlis Anugerah Penarafan Bintang anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), termasuk 'Kualiti Perkhidmatan Terbaik' dan 'Terbaik dalam Kepuasan Pengguna'. Selain itu, YES 5G telah dianugerahkan kelajuan rangkaian mudah alih terpantas Malaysia pada suku ketiga hingga suku keempat 2022 dan sekali lagi pada suku pertama hingga suku kedua tahun 2023 oleh Ookla, peneraju global dalam aplikasi pengujian, data dan analisis untuk rangkaian mudah alih dan jalur lebar tetap.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Memandangkan kesemua penyedia perkhidmatan rangkaian 5G di Malaysia kini menggunakan infrastruktur 5G yang sama yang disediakan oleh Digital Nasional Berhad, bagaimanakah YES 5G mencapai kelajuan rangkaian mudah alih terpantas? Bagaimanakah YES 5G membezakan mereka daripada pembekal perkhidmatan rangkaian 5G yang lain? b) Berapakah jumlah pelanggan rangkaian YES pada tahun kewangan 2022 dan tahun kewangan 2023? Apakah jumlah pelanggan yang disasarkan untuk tahun kewangan 2024? <p>2. Kumpulan telah memperoleh 18.87% kepentingan dalam Ranhill Utilities Berhad baru-baru ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Berapakah pertimbangan belian yang dibayar untuk pemerolehan itu? b) Apakah rasional di sebalik pengambilalihan itu, memandangkan pegangan yang diambil alih tidak mewakili kepentingan mengawal dan pelaburan itu jumlahnya kecil jika dibandingkan dengan jumlah aset Kumpulan sebanyak RM59.132b pada 30 Jun 2023? c) Adakah Lembaga Pengarah berhasrat untuk menambah kepentingannya dalam Ranhill Utilities Berhad?
Excel Force MSC Berhad (AGM)	Kredit terjejas bagi penghutang perdagangan yang telah lampau tempoh melebihi 60 hari meningkat dengan ketara

	<p>daripada RM325,622 pada tahun kewangan berakhir 2021 kepada RM613,110 pada tahun kewangan berakhir 2023 (Halaman 90, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Melihat jumlah tertunggak meningkat dengan ketara, apakah kesukaran yang dihadapi oleh Kumpulan semasa membuat kutipan penghutang perdagangan yang telah lampau tempoh melebihi 60 hari? b) Siapakah pelanggan yang termasuk dalam kategori ini (lampau tempoh melebihi 60 hari) dalam penghutang perdagangan Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2023 dan apakah profil mereka? c) Berapakah jumlah tertunggak yang berjaya dikutip setakat ini?
Hibiscus Petroleum Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, HIBISCUS menjual minyak dan peluwat berjumlah 4.5 juta tong (<i>million barrels, MMbbl</i>) serta gas berjumlah 2.6 juta tong setara minyak (<i>million barrels of oil equivalent, MMboe</i>). Daripada jumlah tersebut, 4.8 MMboe diperolehi daripada aset di bawah kumpulan Peninsula Hibiscus, 1.5 MMbbl dari North Sabah dan 0.8 MMboe telah dijual daripada Anasuria Cluster. (Halaman 42, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Berapakah volum jualan yang disasarkan oleh Kumpulan pada tahun kewangan 2024? Dari manakah punca pertumbuhan yang akan datang ini? b) HIBISCUS membelanjakan RM516.8 juta untuk perbelanjaan modal pada tahun kewangan 2023, melonjak 183% daripada RM182.5 juta pada tahun kewangan 2022. Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan untuk tahun kewangan 2024 dan apakah pecahannya? c) Bagaimanakah prospek harga minyak mentah untuk tahun 2024?
Jentayu Sustainables Berhad (AGM)	<p>Jumlah terhutang daripada anak-anak syarikat di peringkat Syarikat melonjak daripada RM21.5 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM66.2 juta pada tahun kewangan 2023 (Halaman 86 dan 152, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Apakah faktor yang menyumbang penambahan besar kepada kerugian rosot nilai terkumpul ke atas jumlah terhutang daripada anak-anak syarikat, daripada RM2.9 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM6.3 juta pada tahun kewangan 2023? b) Apakah perkembangan positif yang menyumbang kepada pembalikan besar kerugian rosot nilai terkumpul ke atas jumlah terhutang daripada anak-anak syarikat, daripada RM1.5 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM8.4 juta pada tahun kewangan 2023?

Technodex Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM56.10 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 berbanding RM34.85 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan berakhir 2022. Ini mewakili peningkatan sebanyak 61% atau RM21.25 juta. Bagi tahun kewangan semasa dalam tinjauan, pendapatan daripada perkakasan, perisian dan perkhidmatan profesional naik 62% atau RM19.48 juta kepada RM50.76 juta (tahun kewangan berakhir 2022: RM31.28 juta). Peningkatan ini sebahagian besarnya berpunca daripada sumbangan yang lebih tinggi daripada pesanan jualan projek perkakasan. (Halaman 9, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Adakah pesanan jualan projek perkakasan telah dipenuhi sepenuhnya sehingga kini? Jika tidak, apakah nilai pesanan yang masih tertunggak? Bilakah pesanan jualan projek perkakasan akan dikerahkan sepenuhnya?</p>												
Cyberjaya Education Group Berhad (AGM)	<p>1. Untung bersih dalam tempoh kewangan berakhir 2023 termasuk keuntungan tidak berulang daripada pengubahsuaian dan penamatan pajakan berjumlah RM13.46 juta. Kumpulan dan segmen operasi utamanya iaitu Segmen Universiti dan Segmen Kolej akan berada dalam kedudukan rugi dalam tempoh kewangan berakhir 2023 jika keuntungan tidak berulang ini dikecualikan. (Halaman 146, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Pihak Pengurusan menyatakan bahawa Kumpulan terus beroperasi pada margin untung kasar yang mampu sebanyak 49% dalam tempoh kewangan berakhir 2023 (Halaman 26, Laporan Tahunan 2023). Jika dikecualikan keuntungan tidak berulang, apakah yang menyebabkan prestasi operasi yang lemah berbanding tahun kewangan berakhir 2021?</p> <p>2. Kumpulan merekodkan kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan sebanyak RM3.96 juta dan hutang lapuk dihapuskan berjumlah RM1.89 juta pada tempoh kewangan berakhir 2023. (Halaman 145, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Kadar peruntukan bagi jangkaan kerugian kredit (<i>expected credit loss</i>, ECL) ke atas penghutang perdagangan juga meningkat berbanding tahun kewangan berakhir 2021, menunjukkan pendedahan yang tinggi kepada risiko kredit.</p> <table border="1" data-bbox="641 1702 1322 2028"> <thead> <tr> <th data-bbox="641 1702 854 1769">Penghutang Perdagangan</th><th data-bbox="854 1702 1097 1769">Kadar ECL Pada 30 Jun 2023</th><th data-bbox="1097 1702 1322 1769">Kadar ECL Pada 31 Dis 2021</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="641 1769 854 1870">Lampau tempoh 1 hingga 30 hari</td><td data-bbox="854 1769 1097 1870">5% - 41%</td><td data-bbox="1097 1769 1322 1870">1% - 4%</td></tr> <tr> <td data-bbox="641 1870 854 1971">Lampau tempoh > 30 hari</td><td data-bbox="854 1870 1097 1971">8% - 47%</td><td data-bbox="1097 1870 1322 1971">1% - 7%</td></tr> <tr> <td data-bbox="641 1971 854 2028">Lampau tempoh > 60 hari</td><td data-bbox="854 1971 1097 2028">3% - 34%</td><td data-bbox="1097 1971 1322 2028">1% - 9%</td></tr> </tbody> </table>	Penghutang Perdagangan	Kadar ECL Pada 30 Jun 2023	Kadar ECL Pada 31 Dis 2021	Lampau tempoh 1 hingga 30 hari	5% - 41%	1% - 4%	Lampau tempoh > 30 hari	8% - 47%	1% - 7%	Lampau tempoh > 60 hari	3% - 34%	1% - 9%
Penghutang Perdagangan	Kadar ECL Pada 30 Jun 2023	Kadar ECL Pada 31 Dis 2021											
Lampau tempoh 1 hingga 30 hari	5% - 41%	1% - 4%											
Lampau tempoh > 30 hari	8% - 47%	1% - 7%											
Lampau tempoh > 60 hari	3% - 34%	1% - 9%											

		Lampau tempoh > 90 hari	1% - 64%	1% - 27%	
		Lampau tempoh > 120 hari	25% - 100%	8% - 100%	
(Sumber: Halaman 160, Laporan Tahunan 2023)					
<p>a) Apakah yang terkandung dalam penghutang perdagangan dalam persekitaran perniagaan Kumpulan? Adakah penghutang perdagangan ini kebanyakannya terdiri daripada pelajar individu?</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan kenaikan kadar jangkaan kerugian kredit ke atas penghutang perdagangan?</p> <p>c) Apakah strategi dan sasaran yang ditetapkan oleh Kumpulan bagi meningkatkan kawalan dan pemulihran kredit, seiring dengan pendapatan yang semakin meningkat?</p> <p>d) Berapakah daripada jumlah penghutang perdagangan yang dirosot nilai ini telah berjaya dipulihkan sehingga kini?</p>					
BCB Berhad (AGM)	<p>Hartanah pembangunan siap meningkat dengan ketara daripada RM55.3 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM362.6 juta pada tahun kewangan 2023, dengan peningkatan sebanyak RM307.3 juta atau 555.7%. (Halaman 84, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Mengapakah terdapat lonjakan dalam jumlah inventori harta tanah pembangunan siap pada tahun kewangan 2023 berbanding tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Sila nyatakan bilangan unit, jenis dan nilai untuk harta tanah pembangunan siap pada tahun kewangan 2023 dan tahun kewangan 2022.</p> <p>c) Projek harta tanah manakah yang mempunyai bilangan unit tidak terjual paling tinggi dan berapakah nilai harta tanah yang tidak terjual ini?</p> <p>d) Sila berikan profil pengusiaan untuk harta tanah pembangunan siap dalam kelompok 'kurang dari setahun', 'satu hingga dua tahun' dan 'lebih dari dua tahun'.</p> <p>e) Apakah tindakan yang diambil oleh Kumpulan untuk menghabiskan harta tanah pembangunan siap dalam tahun kewangan semasa?</p> <p>f) Berapakah nilai harta tanah pembangunan siap yang berjaya dijual oleh Kumpulan sejak tahun kewangan lepas hingga Oktober 2023 daripada harta tanah</p>				

	pembangunan siap yang dipegang pada tahun kewangan 2023?
SMRT Holdings Berhad (AGM)	<p>SMRT memperoleh N'osairis Technology Solutions Sdn Bhd (NTS) pada tahun 2016 dengan 600 tapak, mencatatkan pendapatan berjumlah RM10 juta. Menjelang tahun fiskal yang lalu, NTS telah mengurus 21,000 tapak dan mencapai pendapatan berjumlah RM87.72 juta sepanjang tempoh 18 bulan sebelum ini. Ini suatu trajektori pertumbuhan yang mengagumkan (Halaman 4, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Apakah masa pusing balik semasa bagi proses pemasangan peranti di tapak-tapak terurus ini? Adakah ia dipertingkat dari semasa ke semasa? b) Apakah prestasi keseluruhan tapak terurus ini dari segi kecekapan operasi, ketepatan data dan kepuasan pengguna? Adakah ia memenuhi jangkaan? c) Sekiranya berlaku penyimpangan daripada jangkaan, apakah faktor yang mempengaruhi keputusan ini? Apakah pula langkah strategik yang dirancang oleh Kumpulan untuk meningkatkan prestasi? d) Berapakah bilangan tapak terurus yang disasarkan pada tahun kewangan berakhir 2024? Adakah kumpulan pada masa ini mempunyai kapasiti yang mencukupi dan infrastruktur yang diperlukan untuk menampung peningkatan dalam bilangan tapak terurus?
Vsolar Group Berhad (AGM)	<p>Kumpulan sekali lagi merekodkan kerugian nilai saksama ke atas pelaburan lain berjumlah RM9,240,309 pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan berakhir 2022: Kerugian nilai saksama berjumlah RM6,975,586 (RM7,043,754 - RM68,168)) (Halaman 62, Laporan Tahunan 2023) berkaitan dengan pelaburan yang disebut harga. Jumlah kerugian nilai saksama dalam tahun kewangan berakhir 2023 mewakili 28.76% daripada nilai pelaburan yang disebut harga iaitu RM32,122,966 (Halaman 107, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pelaburan disebut harga manakah yang terlibat dalam pelaksanaan kerugian nilai saksama? b) Berdasarkan pemantauan Kumpulan, adakah mereka menjangkakan akan berlaku kerugian nilai saksama sekali lagi dalam tahun kewangan berakhir 2024? Atau adakah nilai pasaran pelaburan yang disebut harga ini dijangka pulih pada tahun kewangan berakhir 2024? c) Berapa lamakah Kumpulan berhasrat untuk memegang pelaburan yang disebut harga ini? d) Apakah dasar Kumpulan berkaitan melabur dalam pelaburan yang sebut harga atau pelaburan lain? Memandangkan pelaburan ini telah mencatatkan kerugian nilai saksama secara berturut-turut, adakah ini

	mencetuskan perubahan dalam dasar Kumpulan? Sila jelaskan.
MESB Berhad (AGM)	<p><u>Peruncitan</u></p> <p>Segmen peruncitan sedang bersiap siaga untuk pengembangan dalam lingkungan kedai runcit Kumpulan sendiri dengan pembukaan tiga butik tambahan di kawasan Lembah Klang pada Oktober 2023, di bawah nama jenama kendiri Ducati, yang menawarkan pelbagai jenis pakaian lelaki, pakaian kanak-kanak serta barang kulit (Halaman 4, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Bagaimanakah prestasi jualan semasa di butik-butik yang baru dibuka ini? Daripada produk yang dinyatakan di atas, yang manakah menghasilkan jualan paling tinggi? Apakah prestasi jualan yang disasarkan pada tahun kewangan 2024?</p> <p>b) Adakah segmen peruncitan ini telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (<i>Key Performance Indicator, KPI</i>) untuk butik-butik tambahan ini untuk dua tahun kewangan akan datang? Jika ya, apakah KPI yang disasarkan untuk dicapai oleh butik-butik ini?</p>
Gamuda Berhad (AGM)	<p><u>Bahagian Hartanah</u></p> <p>a) Apakah kadar pengambilan terkini untuk semua projek di bawah bahagian hartanah?</p> <p>b) Setakat 31 Julai 2023, Bahagian ini mempunyai harta tanah yang belum terjual berjumlah RM677 juta. Jumlah stok tidak terjual di luar negara adalah pada kadar minimum manakala harta tanah tidak terjual di Malaysia kebanyakannya terdiri daripada unit bertingkat tinggi. Secara keseluruhan, unit yang tidak terjual terdiri daripada 18 peratus harta tanah (<i>landed</i>) manakala 82 peratus lagi adalah yang bertingkat tinggi (2022: 14 peratus harta tanah dan 86 peratus bertingkat tinggi) (Halaman 36, Laporan Bersepadu 2023).</p> <p>i. Berapakah peratusan harta tanah siap yang tidak terjual dijangka akan terjual pada tahun kewangan 2024?</p> <p>ii. Adakah Bahagian ini menetapkan sasaran jualan (dalam peratus) untuk harta tanah dan harta tanah bertingkat tinggi pada tahun kewangan 2024? Jika ya, apakah peratus yang disasarkan untuk setiap satu?</p> <p>c) Pembelian harta tanah di London iaitu Winchester House, yang kini menempatkan ibu pejabat Deutsche Bank AG di London, adalah sebahagian daripada pelan strategik di bawah Projek Pemulihan Pantas, yang menyaksikan Bahagian Hartanah menembusi bidang harta tanah komersial di London (Halaman 25, Laporan Bersepadu 2023).</p>

	<p>i. Berapakah pulangan yang disasarkan oleh Bahagian Hartanah daripada pelaburan hartanah di London dan bilakah anggaran tempoh bayaran balik daripada pelaburan ini?</p> <p>ii. Adakah Bahagian Hartanah berhasrat untuk terus meneroka hartanah komersial di London dalam masa terdekat? Jika ya, apakah yang menyebabkan Bahagian ini terus memilih London?</p>
MK Land Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan telah merosot nilai 61.5% dan 66.0% daripada pengutang perdagangan kasar yang berusia lebih 60 hari pada tahun kewangan 2023 dan tahun kewangan 2022. (Halaman 129, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Sila senaraikan pengutang perdagangan kasar yang berusia lebih 60 hari untuk tahun kewangan 2022 dan 2023, masing-masing mengikut kategori unit perniagaan dan jumlahnya.</p> <p>b) Sila berikan profil pengusiaan untuk pengutang perdagangan kasar yang berusia lebih 60 hari mengikut kelompok '90 hingga 120 hari', '121 hingga 150 hari' dan 'lebih daripada 150 hari' untuk tahun kewangan 2022 dan 2023.</p> <p>c) Apakah cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan sewaktu membuat kutipan pengutang perdagangan kasar yang berusia lebih 60 hari pada tahun kewangan 2022 dan 2023?</p> <p>d) Berapakah daripada jumlah pengutang perdagangan kasar yang berusia lebih 60 hari telah berjaya dikutip oleh Kumpulan pada tahun kewangan 2023, adalah daripada pengutang perdagangan yang dilaporkan pada tahun kewangan 2022?</p> <p>e) Berapakah jumlah kutipan Kumpulan untuk tahun semasa daripada pengutang perdagangan yang berusia lebih 60 hari daripada pengutang perdagangan yang dilaporkan pada tahun kewangan 2023?</p>
SAM Engineering & Equipment (M) Berhad (EGM)	<p>Vendor telah memberikan pinjaman dan pendahuluan kepada Aviatron dan mungkin akan menawarkan pendahuluan tunai tambahan, sementara menunggu kelulusan Syarikat. Tujuannya adalah untuk menampung operasi dan perniagaan Aviatron yang masih berterusan dalam tempoh sehingga selesai Cadangan Pengambilalihan. Pada tarikh boleh laksana terkini (<i>latest practicable date</i>, LPD), Aviatron berutang kepada Vendor sebanyak USD42,603,551, termasuk faedah terakru (bersamaan kira-kira RM199.02 juta) (Halaman 2, Pekeliling kepada pemegang saham bertarikh 22 November 2023 ['Pekeliling'])</p> <p>a) Bilakah Vendor mula-mula memberikan pendahuluan kepada Aviatron?</p>

	<p>b) Adakah Aviatron akan terus bergantung kepada pendahuluan daripada syarikat induknya selepas selesai Cadangan Pengambilalihan itu? Jika ya, bilakah Aviatron dijangka dapat bermandiri?</p> <p>c) Berapakah jumlah wang tunai yang diperlukan setiap bulan untuk operasi dan perniagaan Aviatron yang masih berterusan?</p>
Kim Teck Cheong Consolidated Berhad (AGM)	<p>Segmen Pengedaran barang pengguna yang dibungkus (consumer packaged goods, CPG) mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 2.6% kepada RM708.9 juta pada tahun kewangan 2023. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pertumbuhan dalam permintaan untuk produk isi rumah, produk makanan dan minuman serta produk penjagaan diri dan kosmetik. (Halaman 10, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Sila berikan pecahan pendapatan mengikut kategori produk untuk tahun kewangan 2023 berbanding tahun kewangan 2022.</p> <p>b) Siapakah lima pembekal utama Kumpulan pada tahun kewangan 2023? Bagaimanakah trend jualan dalam tempoh lima tahun kewangan yang lalu?</p> <p>c) Apakah pertumbuhan pendapatan yang disasarkan untuk perniagaan pengedaran pada tahun kewangan 2024?</p> <p>d) Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan untuk tahun kewangan 2024 dan apakah pecahannya?</p>
Supermax Corporation Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mengklasifikasikan sejumlah RM197.3 juta daripada kategori aset lain di bawah harta tanah, loji dan peralatan kepada Pesawat. (Halaman 26, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Bilakah Kumpulan membeli pesawat itu?</p> <p>b) Berapakah yang telah dibelanjakan untuk mengendali dan menyelenggara pesawat itu pada tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Pesawat itu disusut nilai sebanyak RM19.7 juta setahun. Apakah justifikasi dari segi kos dan manfaat di sebalik Kumpulan memiliki pesawat sendiri dan bukannya melakukan perjalanan menggunakan penerbangan komersial? Adakah terdapat keperluan khusus untuk memiliki pesawat sendiri? Bagaimanakah pesawat itu dapat menambah nilai pemegang saham?</p>
P.A. Resources Berhad (AGM)	<p>Pada tahun lepas, First Solar melanjutkan Perjanjian Pembekalannya (Supply Agreement) dengan PARB dari 1 Julai 2023 kepada 1 Julai 2024. Kontrak ini bernilai RM550 juta.</p>

	<p>a) Apakah status terkini Perjanjian Pembekalan ini? Berapakah nilai kontrak ini sekarang?</p> <p>b) Kumpulan mempunyai risiko penumpuan pelanggan yang tinggi dengan First Solar menyumbang lebih 80% daripada jumlah pendapatannya. Adakah Kumpulan mempunyai apa-apa rancangan untuk mempelbagaikan pangkalan pelanggannya bagi mengurangkan pergantungan kepada satu pelanggan sahaja?</p>
YNH Property Berhad (AGM)	<p>Syarikat dan beberapa anak syarikatnya dikehendaki mematuhi keperluan modal yang dikenakan oleh pihak luar untuk nisbah bayaran khidmat hutang, nisbah hutang kepada ekuiti dan nisbah pinjaman kepada penilaian, supaya berada pada tahap tertentu serta mengekalkan ekuiti pemegang saham pada tahap tertentu, berhubung pinjaman bank masing-masing. (Halaman 153, Laporan Tahunan)</p> <p>Nisbah penggearan Kumpulan telah meningkat daripada 86% pada tahun kewangan 2021 kepada 96% pada tahun kewangan 2023.</p> <p>a) Melihat nisbah penggearan Kumpulan yang tinggi iaitu sebanyak 96%, apakah langkah yang perlu diambil sekiranya Syarikat dan anak-anak syarikatnya tidak dapat memenuhi nisbah bayaran khidmat hutang, nisbah hutang kepada ekuiti serta nisbah pinjaman kepada penilaian, seperti yang dikehendaki oleh pihak bank?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk mengurangkan nisbah penggearan Kumpulan kerana ia sudah menghampiri 100%, yang mana boleh dianggap tinggi?</p> <p>c) Apakah nisbah penggearan terkini Kumpulan setakat September 2023?</p> <p>d) Apakah nisbah optimum yang disasarkan oleh Kumpulan?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)

Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuhan@mswg.org.my)

Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.